

Mesyuarat pertama bincang kaedah bayaran bulan depan

Anwar turut perjas MA63 terus dibincang, dilaksana bawah majlis sedia ada

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kaedah penyaluran balik perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum Kerajaan Persekutuan dapat menyerahkan kembali 40 peratus hasil yang dikutip dari Sabah seperti yang dijelaskan sebelum ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, penyerahan 40 peratus daripada hasil seperti dituntut kerajaan Sabah itu sudah dimuktamadkan dan ia akan dilaksanakan selepas proses yang berkaitan penyalurannya selesai.

Beliau berkata, mesyuarat pertama berhubung penyerahan tuntutan itu dijangka diadakan pertengahan Januari ini bagi membincangkan kaedah dan parameter berhubung pelaksanaan bayaran 40 peratus hasil Sabah itu.

Beliau berkata, mesyuarat awal pada peringkat jawatankuasa teknikal sudah diadakan antara Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada bulan lalu.

"Jadi mungkin mesyuarat pertama itu kita buat sebelum pertengahan Januari tahun depan mengenai kaedah, parameter dalam soal 40 peratus supaya betul-betul memberi keyakinan kepada rakyat Sabah.

"Ini bukan soal cari dalil, ten-

tunya dalam musim pilihan raya sebelum ini dan juga kadang-kadang sesetengah pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sinis, kita buat apa-pun mereka terus sinis.

"Tapi saya nak beritahu, rakan-rakan saya daripada Jemaah Menteri pun ada, bahawa kita harus lihat secara tertentu, saya tak boleh kata kita serah pada Januari, kita tentukan parameter dulu, jumlahnya dan berapa peringkat pembayaran dalam setahun," katanya ketika berucap pada Majlis Sentuhan MADANI Bersama Rakyat Negeri Sabah, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor bersama tiga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Joachim Gunsalam, Datuk Seri Masidi Manjun dan Datuk Ewon Benedict serta barisan Kabinet baharu negeri Sabah.

Perdana Menteri berkata, semua urusan itu akan dikendalikan jawatankuasa teknikal, kemudian jawatankuasa Persekutuan-negeri sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri Sabah dan Persekutuan.

"Tapi, apa yang sudah muktamad ialah bahawa Kerajaan Persekutuan seperti mana yang saya sebut dalam Jemaah Menteri dan di Parlimen, komited menyerahkan 40 peratus hasil kepada negeri Sabah," tegasnya.

Kesuntukan masa

Anwar berkata, perbincangan berhubung soal 40 peratus itu tidak sempat diadakan pada bulan ini disebabkan kesuntukan masa, selain empat jawatan menteri Persekutuan masih kosong dan perlu diisi terlebih dahulu.

"Mungkin bulan ini agak sun-



Anwar bersalaman dengan peserta ketika menghadiri Majlis Sentuhan MADANI bersama Rakyat Negeri Sabah di SICC, Kota Kinabalu, semalam. (Foto BERNAMA)

tuk sedikit kerana kita ada kosongan empat (menteri) sekarang, paling akhir Ewon, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dengan tamat senatornya dan dua daripada sebelumnya, jadi empat yang patut saya isi.

"Jadi beri ruang kepada saya, satu ke dua minggu ini memikirkan dan berbincang dengan ketua parti, termasuk dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji untuk mendengar pandangan mereka sebelum saya muktamadkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu lain berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) juga akan terus dibincang dan dilaksanakan di bawah majlis sedia ada yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Belum ada dalam sejarah penubuhan Malaysia, kita ada komitmen dan pelaksanaan jauh le-

bih cepat, iaitu sebanyak sembilan perkara sudah kita putus-

kan. "Ada beberapa yang lain lagi kita akan rujuk dan bawa kemudian kepada Premier Sarawak dan Ketua Menteri Sabah dan luluskan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dan Parlimen sekiranya perlu pindaan undang-undang.

"Penyerahan kuasa elektrik kepada Sabah sebelum ini terpaksa dilakukan dengan meminda undang-undang, begitu juga soal wakil dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) juga membabitkan pindaan undang-undang di Parlimen, itu semua kita boleh lakukan," katanya.

Sementara itu, Hajiji melahirkan keyakinan rundingan berkaitan pemberian khas 40 peratus hasil Persekutuan kepada Sabah dapat dimuktamadkan da-

lam masa terdekat, hasil hubungan baik di antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Beliau percaya dan yakin bahawa hubungan rapat serta kukuh antara kedua-dua pihak bukan saja perlu, malah penting bagi memastikan kemajuan berterusan, termasuk perkara berkaitan kedaulatan, keselamatan, perpaduan dan kenegaraan.

Menurutnya, meskipun kerajaan negeri terus memperjuangkan hak Sabah, tanggungjawab menjaga kepentingan negara tidak boleh diabaikan.

"Saya yakin hubungan yang kukuh akan membawa banyak manfaat, termasuk memuktamadkan obligasi Kerajaan Persekutuan berkaitan pembayaran hak hasil 40 peratus untuk Sabah, yang kita harap dapat dimuktamadkan tidak lama lagi demi kebaikan bersama," katanya.